

Teknologi Taiwan lancarkan trafik

» MRT Corp guna Metro Decking, pastikan jalan berlubang ditutup dengan segera

Oleh Halina Mohd Noor

halina_mdnoor@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menggunakan teknologi dari Taiwan bagi menutup jalan berlubang dan tidak sekata di tapak pembinaan stesen Maluri di Jalan Cheras.

Teknologi dikenali sebagai 'Metro Decking' itu pertama kali digunakan di negara ini bagi mengatasi masalah kesesakan jalan di sekitar tapak pembinaan itu akibat keadaan jalan yang teruk.

Mudah diselenggara

Berasaskan konkrit setebal 200 milimeter (mm), ia didatangkan dalam bentuk kepingan yang mudah diselenggara dan diganti jika rosak berbanding kepingan besi.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak, berkata teknologi itu digunakan sebagai satu usaha memastikan kelancaran lalu lintas.

"Banyak aduan diterima mengenai kesesakan lalu lintas di kawasan ini terutama pada waktu puncak akibat keadaan jalan yang berlubang dan tidak sekata.

"Menerusi teknologi ini, keadaan jalan lebih rata dan aliran kenderaan lebih lancar ketika kerja pembi-

naan dijalankan," katanya selepas sesi 'walkabout' di sekitar tapak pembinaan Stesen Maluri bersama media bagi meninjau kerja pembinaan dan beberapa langkah keselamatan yang diambil di tapak itu, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Pembinaan Stesen Maluri, Goh Chee Young.

Tidak tutup laluan

Amir Mahmood berkata, MRT Corp tidak akan mengurangkan jumlah lorong sedia ada di Jalan Cheras sepanjang kerja pembinaan dijalankan bagi memastikan aliran trafik tidak terganggu.

Selain pembinaan MRT, katanya, ada dua lagi projek pembangunan di sekitar kawasan itu iaitu penyambungan Besraya Expressway dan Sunway Velocity, yang turut memberi kesan pada aliran trafik.

"MRT Corp turut menekankan kebersihan jalan di sini dengan melakukan pembersihan jalan sekurang-kurangnya dua kali sehari atau lebih mengikut keperluan," katanya.

MRT Corp turut menyediakan pengawal trafik untuk mengawal lalu lintas di Jalan Cheras dan Jejaka.

Bina laluan pejalan kaki berbumbung

Keselesaian pejalan kaki turut diberikan keutamaan dengan membina laluan pejalan kaki berbumbung di sepanjang Jalan Cheras yang bersambung dengan jejantas berhamplan stesen LRT di situ.

Kumpulan Tindakan Kecemasan (ERT) turut bersedia sepanjang masa bagi berdepan sebarang kemalangan seperti kebakaran dan pokok tumbang dalam tempoh setengah jam.

Sebanyak 26 peratus projek pembinaan MRT siap mengikut jadual sehingga akhir Ogos lalu membatikan lebih daripada suku pelan projek itu.

Kerja pembinaan bawah tanah dan pengorekan mencecah lebih 35 peratus siap dengan lebih 700 meter pengorekan sudah dijalankan di Cochrane dan 600 meter di Semantan.

"Menerusi teknologi ini, keadaan jalan lebih rata dan aliran kenderaan lebih lancar ketika kerja pembinaan dijalankan"

Amir Mahmood Razak,
Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp



Amir Mahmood (kanan) **meninjau pembinaan Stesen Maluri** di Maluri, Cheras. [FOTO MUHD ASYRAF SAWAL / BH]